

23 FEB 1998

IRAN SETUJU KAJI SEKATAN PENGGUNAAN MINYAK SAWIT DALAM VANASPATI

KUALA LUMPUR, Feb 23 (Bernama) -- Kerajaan Iran telah bersetuju untuk menimbangkan keputusannya mengenai sekatan ke atas penggunaan minyak sawit mentah di dalam vanaspati dan perbezaan tarif import antara minyak kelapa sawit dengan minyak sayuran lain.

Kedua-dua isu mengenai minyak sawit itu telah dibangkitkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, dalam perbincangan dua hala beliau dengan Menteri Perdagangan Iran Mohammad Shariatmadari.

Di dalam perjumpaan itu, kerajaan Iran turut mencadangkan Malaysia membina kilang penapis minyak sawit di Bandar Abbas untuk membekal pasaran di Iran dan yang berhampiran.

Rafidah kini berada di Iran dalam rangka lawatan dari 21 hingga 24 Feb.

Di dalam kenyataan akhbat yang dikeluarkan di sini hari ini, Rafidah juga turut meminta Kerajaan Iran mengurangkan tarif import ke atas import biji koko dan menggesa supaya Iran tidak mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat daripada standard yang telah diterima pakai diperingkat antarabangsa.

Kedua-dua pihak juga berbincang dan bersetuju untuk polisi meningkatkan lagi perdagangan dua hala yang berjumlah RM389 juta pada tahun 1997. Bidang-bidang yang boleh diterokai termasuklah pembuatan komponen kereta, peralatan jentera, barangan dan hasil pertanian, dan bidang elektronik.

Malaysia dan Iran juga bersetuju supaya kedua-dua negara menjadi laluan/pintu masuk utama untuk produk-produk masing-masing ke pasaran Asean dan CIS (Komanwel Negara-negara Merdeka).

Di pihak Iran, Bandar Abbas mempunyai kemudahan pengangkutan dan Zon Bebas Perdagangan bagi Malaysia menerokai pasaran serantau CIS sementara Malaysia pula sesuai bagi tapak untuk syarikat-syarikat Iran memasuki pasaran Asean.

Kedua-dua pihak juga bersetuju mempertingkatkan pertukaran maklumat dan lawatan terutama di peringkat sektor swasta dan akan menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA) semasa lawatan Menteri Perdagangan Iran ke Malaysia kelak.

Sementara itu, Rafidah dijangka memberi ucapan pada Seminar Perdagangan Malaysia-Iran hari ini (Feb 23) yang dijangka dihadiri 200 ahli perniagaan Iran.

Tujuh belas syarikat Malaysia yang diwakili 24 ahli perniagaan telah dan akan mengadakan sesi perbincangan dengan wakil-wakil sektor perniagaan dan industri Iran dari 22 - 23 Feb.

Rafidah juga telah mengunjungi Presiden Iran Hajatoeslam Seyyed Mohammad Khatami dan telah menyampaikan jemputan melawat Malaysia daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed. -- BERNAMA

MSL OS